




# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
BERHIASLAH  
KERANA ALLAH,  
JANGAN DIUNDANG  
KEMURKAANNYA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



**"ANAK MASA DEPAN KITA, APA PERANAN KITA".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَبْنِي عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا<sup>ط</sup> وَلِبَاسُ التَّقْوَى ذَلِك خَيْرٌ ذَلِك مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Hayatilah khutbah pada hari ini yang bertajuk "<b>BERHIASLAH KERANA ALLAH, JANGAN DIUNDANG KEMURKAAN-NYA</b>".</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	6
<p>Timbul persoalan, "Beku atau jumudkah Islam ini sehinggakan hendak berhias pun tidak boleh?". Jawabnya, Tidaklah salah untuk berhias kerana Allah itu Maha Indah dan Allah sukakan keindahan.</p>	7



Ayat ke 26 dari surah Al-A'raf yang telah dibacakan di awal tadi bermaksud: *"Wahai anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian yang disandarkan pada taqwa itulah yang paling baik. Demikian itu adalah limpah kurnia dari Allah mudah-mudahan mereka mengingatnya"*.

8

Firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 27:

يَبْنِيٰٓ عَادَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمُ الشَّيْطٰنُ كَمَاۤ اَخْرَجَ اٰبَوَيْكُم مِّنَ الْجَنَّةِ  
يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَاتِهِمَاۗ اِنَّهٗۤ يَرٰكُمۡ هُوَ وَقَبِيْلُهٗۤ و مِّنۡ  
حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْۗ اِنَّا جَعَلْنَا الشَّيْطٰنِۙ اَوْلِيَاۤءَ لِّلَّذِيۙنَ لَا يُؤْمِنُوۥنَ ﴿٢٧﴾

9

*"Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari Syurga, sambil dia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: Aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan Syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman."*

10

Kalau kita perhatikan pakaian kaum muslimat di sekeliling kita, adakah ianya menepati ciri-ciri yang di kehendaki?

- Menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan
- Tidak nipis dan jarang
- Tidak ketat dan menampakkan bentuk tubuh
- Tidak menyerupai kaum lelaki
- Tidak menyerupai pakaian dan perhiasan orang kafir

11



Dalam masa yang sama, kaum lelaki muslim juga wajib menjaga syariat berpakaian dan berhias sesuai dengan syariat islam dan tidak melampaui batasan. Namun realitinya kini, masih ramai yang menyalahi syariat berpakaian dan berhias ini. Sebagai contoh, ramai wanita islam yang bertudung, tetapi bajunya ketat dan nipis hingga menampakkan bentuk badan. Ramai yang bertudung, tetapi tidak menutup dadanya.

12

Hal ini adalah bertentangan dengan suruhan Allah dalam surah An Nur ayat 31 yang bermaksud:

*"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka*

16

*dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan,*

17

*atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."*

18



### **Muslim yang berbahagia,**

Perempuan beriman adalah mereka yang melabuhkan tudung ke dadanya. Tetapi hari ini, ramai yang bertudung, namun sayang tudungnya terlalu nipis hingga menampakkan rambut dan perhiasannya pula terlalu banyak hingga menarik perhatian orang lain yang tentunya membuka ruang fitnah dan dosa seluas-luasnya. Berhias secara keterlaluan dengan tidak mematuhi syariat Allah sering dilakukan dengan mengangap bahawa:

19

Pertama : Kesalahan berhias adalah dosa kecil sahaja.

Kebanyakan golongan wanita yang menganggap seperti ini hanya mengenal zahir kehidupan dunia sahaja dan mereka terlupa akan kehidupan abadi di akhirat kelak. Maka yang demikian, mereka melihat dosa besar sebagai dosa kecil dan kebajikan yang dilakukannya dapat melenyapkan dosa-dosa kecil mereka ditambah pula Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

20

Mereka menggunakan dalil nakli dalam surah al-Furqan ayat 70 yg bermaksud:

"kecuali orang yg bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal baik. Maka orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan dan adalah sesungguhnya bahawa Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".

21

Tetapi, mereka perlu ingat bahawa dosa kecil jika dilakukan secara berterusan akan menjadi dosa besar, bak kata pepatah "sikit-sikit lama-lama jadi bukit".



Kedua: Berhias lambang kemodenan (up-to-date)

Pasti ramai wanita yang bertudung labuh pernah melalui pengalaman diejek oleh kawan-kawan kerana dianggap tidak moden atau kolot. Ada yang memanggil mak cik, ustazah dan lain-lain gelaran membuatkan terasa malu dan rendah diri apabila membawa imej yang tidak selari dengan tuntutan fesyen moden masa kini.

22

Renunglah kata-kata Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu yang bermaksud:

*"Seorang mukmin melihat dosanya seperti bukit di atas (kepalanya) yang dibimbangi akan jatuh ke atasnya. Manakala orang munafiq melihat dosanya seperti lalat yang hinggap di hidungnya, maka dihalaunya lalat itu".*

23

*(Riwayat al-Bukhari).*

Tanyalah iman kita sama ada untuk menjadi munafiq atau mukmin sebagaimana mafhum daripada athar tersebut.

**Hadirin sekalian,**

Pahit untuk ditelan, namun itulah hakikatnya kini, terlalu sedikit wanita yang benar-benar berpakaian menutup aurat dan berhias menurut kehendak syariat, ini kerana mereka lebih suka berhias mengikut trend dan hawa nafsu mereka. Mereka memandang rendah dan memperlekeh muslimah sejati yg mereka anggap sebagai kuno dan mundur.

24



Namun suatu hari nanti, mereka pula yang akan ditertawakan kerana tidak mematuhi syariat Allah SWT sebagaimana janji Allah yang dinyatakan dalam surah Al-Mutoffifin ayat 29-34 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya orang yang derhaka, mereka selalu mentertawakan orang beriman. Dan apabila orang beriman lalu dekat mereka, mereka mengerling dan mencemuhnya, maka pada hari ini (akhirat), orang beriman pula mentertawakan orang (derhaka) itu".*

25

**Wahai kaum muslimin yang dikasihi sekalian,**

Beritahulah dan bimbinglah kaum wanita dalam kalangan ahli keluarga kita supaya bersabar dan tidak bersedih kerana Allah Taala telah berfirman dalam surah Ali Imran ayat 139 yang bermaksud:

*"Janganlah kamu berasa hina dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamu orang yang paling tinggi darjatnya jika kamu orang beriman".*

Amatlah membimbangkan kita, bila mana menjadi kesukaan sesetengah wanita Islam pada hari ini mendedahkan aurat dan perhiasan mereka sebagai tatapan umum melalui Facebook, Instagram, TikTok, Youtube dan sebagainya untuk melariskan jualan. Malah mengajak pula orang ramai bersyubahat dalam kemungkarannya itu dengan mengharapkan pula **like, share dan subscribe** dari yang menonton dan yang menyaksikannya.

Justeru, jagalah segala syariat Allah, peliharalah diri dan seluruh ahli keluarga kita agar mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Memelihara syariat berpakaian dan berhias juga merupakan satu perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam bagi mencari keredaan dan menghindari kemurkaan-Nya.



Hadis daripada Ibnu Umar Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَبَسَ ثَوْبَ شُهْرَةٍ فِي الدُّنْيَا، أَلْبَسَهُ اللَّهُ ثَوْبَ مَذَلَّةٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

*"Sesiapa yang mengenakan pakaian untuk dipamer (melebihi batasan) di dunia, maka Allah akan mengenakan pakaian kehinaan kepadanya pada hari kiamat".*

*(Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah).*

**Wahai kaum muslimin sekalian,**

Hadis daripada Ibnu Umar Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggungjawab atas orang yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya,*

*dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*





Seorang suami wajib memastikan isteri berpakaian dan berhias mengikut syariat Allah. Begitu juga halnya seorang ayah wajib memastikan anak-anaknya juga mematuhi syariat dalam berpakaian dan berhias.

### Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati pengajarannya untuk dijadikan pedoman. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah memastikan diri dan seluruh ahli keluarga mematuhi batasan syariat di dalam berhias dan berpakaian.
2. Umat Islam hendaklah mempunyai jati diri yang kuat dalam memelihara agama, terutama sekali dalam berpakaian dengan tidak dipengaruhi oleh anasir luar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ  
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."*

(Surah At-tahrim : 6)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

29

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

30



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23